

TATAKERJA PENULISAN JURNAL *RAMPAK SERANTAU*
MAJLIS BAHASA BRUNEI DARUSSALAM-INDONESIA-MALAYSIA (MABBIM)

Pengenalan

Rampak Serantau buat kali pertama diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Negara Brunei Darussalam pada tahun 1994. Tujuan dan fungsi *Rampak Serantau* adalah untuk memasyarakatkan hasil sumbangan penulisan ilmiah dan hasil penyelidikan dalam pelbagai bidang dari ketiga-tiga negara anggota MABBIM. Terbitan ini diharapkan dapat menjadi sumber maklumat dan ilmu pengetahuan serta sumber rujukan untuk penyelidikan lanjutan. *Rampak Serantau* diterbitkan dalam dua versi, iaitu bentuk digital yang dapat dicapai dalam laman MABBIM (<http://laman.dbp.gov.my/mabbim>) dan buku bercetak.

Tatakerja Penulisan Makalah Jurnal *Rampak Serantau*

Maklumat Penyumbang

- i. Judul makalah
- ii. Nama penuh penyumbang
- iii. Alamat penyumbang
- iv. Maklumat institusi
- v. E-mel dan/atau nombor telefon untuk dihubungi

Tema

- i. Mencakupi pelbagai bidang ilmiah seperti bahasa, sastera, kebudayaan, sains dan teknologi, dan komunikasi. (Sila lihat contoh artikel *Rampak Serantau* di alamat url <http://laman.dbp.gov.my/mabbim>).

Abstrak

- i. Penulisan abstrak dibuat dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris yang tidak melebihi 250 patah perkataan, dan mesti mengandungi “kata kunci” (isu atau inti pati yang diketengahkan) yang tidak melebihi 10 patah perkataan.
- ii. Abstrak ini mesti mengandungi tujuan kajian, metodologi, data, analisis, dapatan, dan kesimpulan ringkas.

Foto dan Rajah

- i. Hasil penulisan makalah boleh mengandungi foto, jadual atau rajah untuk menyokong hujah bagi tujuan rujukan.

Tarikh Tutup

- i. Penulisan makalah boleh dihantar sebelum atau pada pertengahan Februari tahun semasa.



Teks

- i. Makalah mestilah ditulis dalam bahasa Melayu dan belum pernah diterbitkan dalam mana-mana terbitan.
- ii. Teks makalah menggunakan fon Times New Roman 12 poin dengan langkau 2 baris.
- iii. Makalah yang ditulis hendaklah tidak melebihi 30 halaman (termasuk rujukan, bibliografi, dan lampiran).
- iv. Judul makalah disertakan dalam teks penuh berserta abstrak pada halaman pertama teks.
- v. Bagi makalah yang dihantar menerusi e-mel, sekiranya mengandungi simbol fonetik (IPA) atau ejaan yang dikhuatiri tidak dapat dibaca menerusi *Microsoft Word* contohnya tulisan Jawi, mohon disertakan bahan tersebut berbentuk fail PDF.

Nota

- i. Nota semimum mungkin, dan menggunakan nota hujung.
- ii. Kedudukannya di hujung teks sebelum rujukan.

Rujukan

- i. Rujukan daripada bahan atau sumber rujukan luar negara diutamakan.

Rujukan dalam Teks

- i. Letakkan nama penulis diikuti tahun dan halaman dan diletakkan dalam tanda kurung.

Hak Cipta

- ii. Penyumbang/penulis perlu memberikan keizinan kepada DBP menerbitkan makalah mereka dalam bentuk bercetak atau secara dalam talian atau apa-apa juga bentuk lain yang sesuai.
- iii. Jika penulis ingin mengubah suai dan menerbitkan semula mana-mana makalahnya yang diterbitkan dalam *Rampak Serantau*, ia perlulah memaklumkan bahawa sumber makalah tersebut adalah daripada jurnal terbitan DBP.

Jumlah Penulis

- i. Jumlah penulis bagi sesuatu makalah adalah tidak melebihi dua orang.

Sagu Hati

- i. Makalah terpilih akan dibayar sagu hati sebagai tanda penghargaan daripada DBP.

Makalah yang lengkap bolehlah dihantar melalui e-mel kepada pegawai yang berikut:

Puan Emyliza Sharida binti Asari
Telefon: 03-21479160
E-mel: emyliza@dbp.gov.my

